

12 OCT 2003

OIC-Ekspo (SMS)/I

TELEFON TALIAN TETAP PERTAMA YANG DILENGKAPI KHIDMAT SMS DIPERKENALKAN

PUTRAJAYA, 12 Okt (Bernama) -- Sebuah syarikat tempatan akan memperkenalkan telefon talian tetap yang pertama yang dilengkapi dengan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) kepada pasaran tempatan hujung bulan ini.

Pengurus bahagian pentadbiran A.J.V. Electronic Devices (M) Sdn Bhd (AJV) Mohd Nor Shahida Abdullah berkata telefon itu akan dilengkapi dengan spesifikasi yang biasa terdapat pada telefon bimbit, sekaligus akan memudahkan dan menaik taraf perkhidmatan telefon talian tetap.

"Telekom Malaysia sudah meluluskan produk kami, tapi kami masih sedang berbincang mengenai syarat-syarat serta harga setiap unit produk tersebut," katanya kepada Bernama semasa ditemui di sebuah ruang pameran di Ekspo Persidangan Pertubuhan Islam (OIC), iaitu acara sampingan Sidang Kemuncak ke-10 OIC, dekat Pusat Konvensyen Putrajaya, di sini hari ini.

Ekspo yang akan berlangsung mulai hari Selasa hingga Ahad ini, akan menjadi landasan kepada pekilang, peruncit, dan peniaga untuk mempamerkan produk mereka di samping mewujudkan peluang-peluang perniagaan di dalam negeri, mahupun di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan melancarkan ekspo itu yang akan dibuka setiap hari dari pukul 10 pagi hingga 6 petang.

Mohd Nor berkata mekanisma mengenai pembayaran yang akan dikenakan keatas pelanggan akan ditentukan oleh Telekom Malaysia.

Beliau berkata idea untuk mencipta telefon berkenaan bermula pada bulan Jun lepas melalui unit penyelidikan dan pembangunannya (R&D), yang sebulan kemudian mencadangkan produk tersebut kepada Telekom.

Menurutnya ia juga akan diperkenalkan ke seluruh negara melalui syarikat-syarikat telekomunikasi.

"Untuk permulaan, kami akan menumpukan kepada pasaran tempatan dahulu dan kemudian baru kami akan buat keputusan sekiranya ingin ke peringkat antarabangsa. Sasaran kami pada masa ini adalah untuk kegunaan di rumah dan pejabat," katanya.

Telefon bersaiz biasa itu akan turut dilengkapi dengan paparan skrin untuk tujuan khidmat pesanan ringkas, papan kekunci, dail semula, mesin kira, buku nombor telefon, jam, jam loceng, fungsi rakaman panggilan keluar dan masuk serta dua nada deringan.

Beliau berkata pengguna juga mempunyai pilihan untuk menggunakan kata laluan, di mana hanya mereka yang mempunyai kata laluan yang betul sahaja yang boleh menyemak pesanan untuknya. SMS pula boleh dihantar kepada 10 orang sekaligus.

AJV adalah sebuah syarikat yang berpangkalan di Kepala Batas, Pulau Pinang yang bergiat dalam bidang telekomunikasi, elektrik digital dan penganjur `Al-Muhaffiz', Al-Quran digital dari Korea.

Syarikat itu ditubuhkan pada tahun 1994, dengan modal berbayar sebanyak RM1 juta.

-- BERNAMA

SHS AZZ AZH